

## Penghijrahan Awal Masyarakat Muslim Bosnia-Herzegovina

### Early Migration of the Bosnia-Herzegovina Muslims

AZLIZAN MAT ENH  
KU BOON DAR  
AL AMRIL OTHMAN

#### ABSTRAK

*Campurtangan kuasa-kuasa besar Eropah dalam konflik Bosnia-Herzegovina 1875-1878 telah menyebabkan kerajaan Turki Uthmaniah menandatangani Perjanjian Berlin 1878. Salah satu syarat Perjanjian Berlin adalah meletakkan pentadbiran Bosnia-Herzegovina di bawah mandat pemerintahan kerajaan Austria-Hungary. Bermula dari titik ini, memperlihatkan berlakunya proses migrasi di Bosnia-Herzegovina dalam kalangan penduduknya terutama orang Muslim. Artikel ini bertujuan mengupas isu-isu yang menyebabkan penghijrahan orang Muslim dari Bosnia-Herzegovina ke wilayah-wilayah lain dalam empayar Turki Uthmaniah sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama. Analisis data primer digunakan ke atas rekod-rekod British daripada kedutaannya di Bosnia-Herzegovina. Hasil kajian mendapati isu agama merupakan faktor utama dalam proses migrasi yang berlaku di Bosnia-Herzegovina. Proses migrasi semakin meningkat selepas Bosnia-Herzegovina diumumkan secara rasmi di bawah pentadbiran Austria-Hungary pada 1908.*

Kata kunci: Muslim; Bosnia-Herzegovina; Migrasi; Austria-Hungary; Turki Uthmaniah

#### ABSTRACT

*The diplomacy of the Great Powers in the Bosnia-Herzegovina conflict of 1875-1878 led the Ottoman government to sign The Treaty of Berlin in 1878. The Treaty of Berlin gave the Austria-Hungary empire a mandate to occupy and administer Bosnia-Herzegovina. It has initiated a migration process in Bosnia-Herzegovina among its population, especially the Muslims. This article will examine issues that led to the migration of Muslims from Bosnia-Herzegovina to other territories in the Ottoman Turkish empire before the outbreak of World War I. Analysis on these issues used primary data from the British records from its embassy in Bosnia- Herzegovina. The study found that the issue of religion was the dominant factor in the migration process that took place among the Muslims of Bosnia-Herzegovina. The migration process increased after Bosnia-Herzegovina was officially announced under the Austro-Hungarian administration in 1908.*

Keywords: Muslim; Bosnia-Herzegovina; Migration; Austria-Hungary; Ottoman

#### PENGENALAN

Konflik Bosnia-Herzegovina telah meletus pada tahun 1875 yang bermula dengan pemberontakan orang Kristian menentang kerajaan Turki Uthmaniah di Bosnia-Herzegovina. Orang Kristian ini tidak berpuas hati dengan pentadbiran yang dijalankan oleh kerajaan Turki Uthmaniah di Bosnia dan menganggap bahawa Turki Uthmaniah telah gagal memenuhi tuntutan kuasa-kuasa Eropah untuk memulihkan keamanan dan menjaga kebajikan rakyat Kristian seperti yang termaktub dalam Dikri Hatti-Humayum. Orang-orang Kristian di Bosnia-Herzegovina telah mendapat sokongan Rusia untuk

meneruskan penentangan ke atas Turki Uthmaniah. Malah, Rusia juga telah menyokong Serbia untuk membantu orang Kristian Bosnia-Herzegovina menentang Turki Uthmaniah pada tahun 1876. Apabila Serbia tewas dalam perang tersebut, Rusia pula secara rasmi telah mengisytiharkan perang ke atas Turki Uthmaniah sehingga mencetuskan Perang Rusia-Turki 1876-1877. Perang tersebut telah membawa kekalahan kepada kerajaan Turki Uthmaniah dan terpaksa menamatkan perang dengan menandatangani Perjanjian San Stefano pada tahun 1877.

Perjanjian San Stefano ini dilihat mengancam kedudukan kuasa-kuasa besar Eropah yang lain

seperti Britain, Perancis, Austria-Hungary, Jerman dan Itali (Azlizan 2014). Perjanjian tersebut memberi kelebihan kepada Rusia untuk menguasai semula Laut Hitam yang telah ditutup kepada semua kapal-kapal dalam Perjanjian Paris 1856. Penguasaan Rusia ke atas Laut Hitam, akan menjadikan Rusia mucul sebagai satu kuasa tentera laut yang baru di Teluk Aegean dan merupakan ancaman kepada bangsa non-Slav di Semenanjung Balkan (BDFA 1876). Kuasa-kuasa besar secara sebulat suara mendesak Rusia untuk mengkaji semula tuntutannya dalam Perjanjian San Stefano dengan Turki Uthmaniah. Satu perjumpaan antara kuasa-kuasa besar Eropah telah diadakan di Berlin. Dalam rundingan di Berlin pada Julai 1878, Rusia terpaksa akur dengan tuntutan rakan-rakan Eropahnya untuk memeterai Perjanjian Berlin 1878 yang telah berjaya menyekat kuasa Rusia di Laut Hitam dan cita-citanya untuk membentuk sebuah negara Slav di Balkan. Perjanjian Berlin 1878 juga telah memberi mandat kepada Austria-Hungary untuk memerintah Bosnia-Herzegovina secara sementara. Artikel ini akan menganalisis bagaimana penyelesaian di Berlin yang menyerahkan Bosnia-Herzegovina kepada kerajaan Austria-Hungary melalui Perjanjian Berlin 1878 telah menjadi titik tolak migrasi orang Muslim dari negeri tersebut untuk berhijrah ke negeri-negeri jajahan Turki Uthmaniah di Asia Minor untuk mencari perlindungan.

#### PEMERINTAHAN AUSTRIA-HUNGARY DI BOSNIA-HERZEGOVINA

Dalam penyelesaian konflik Bosnia-Herzegovina di Berlin 1878, pentadbiran Bosnia-Herzegovina telah diserahkan untuk ditadbir oleh Austria-Hungary secara sementara sehingga keamanan di negara tersebut dapat dipulihkan. Syarat tersebut termaktub melalui klausus XXV Perjanjian Berlin 1878 (Snyder 1958):

*Bosnia-Herzegovina: To be occupied and administered by Austria-Hungary, Sandjak of Novi Bazar excepted, with right of Austria-Hungary to keep Garrisons, and to have Military and Commercial Roads.... The administration will continue to exercise its functions there. Nevertheless, in order to assure the maintenance of the new political state of affairs, as well as freedom and security of communications, Austria-Hungary reserves the right of keeping garrisons and having military and commercial roads on the whole of this part of the ancient vilayet of Bosnia. To this end the Governments of Austria-Hungary and Turkey reserve to themselves to come to an understanding of the details.*

Rundingan Berlin 1878, telah mengesahkan pengambilan sementara Bosnia-Herzegovina oleh kerajaan Austria-Hungary. Keputusan tersebut dipersetujui oleh kuasa-kuasa besar Eropah terutamanya Britain. Ini adalah kerana kebimbangan mereka terhadap penambahan kuasa dan pengaruh Rusia melalui kekuatan bangsa Slav di Semenanjung Balkan (FO 373/1/11). Oleh itu, mereka memberikan alasan bahawa penyerahan tersebut akan dapat mengurangkan tekanan kepada kerajaan Turki Uthmaniah di Bosnia-Herzegovina di samping memudahkan kerajaan Turki Uthmaniah memulihkan semula pentadbiran dalam empayarnya (FO 373/1/11). Kerajaan Turki Uthmaniah pula hanya bersetuju menandatangani perjanjian tersebut setelah dapat memastikan dengan tepat bahawa pendudukan kerajaan Austria-Hungary adalah bersifat sementara dan akan berakhir selepas kekacauan di Bosnia-Herzegovina dapat ditenangkan dan mencapai keadaan yang sempurna (FO 373/1/11). Bosnia-Herzegovina terpaksa menerima tanpa bantahan keputusan kuasa-kuasa besar Eropah tentang percaturan masa depan Bosnia-Herzegovina di bawah pentadbiran Austria-Hungary (Anderson 1966).

Sejurus mendapat mandat mentadbir Bosnia-Herzegovina, kerajaan Austria-Hungary telah melaksanakan beberapa reformasi dalam bidang politik, pertanian, ekonomi, sosial dan agama. Reformasi ini telah mendatangkan pelbagai reaksi daripada penduduk di Bosnia-Herzegovina. Pada dasarnya, reformasi dan pendudukan Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina tidak disenangi oleh majoriti penduduk terutamanya orang Muslim dan Serb. Oleh yang demikian, reformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan Austria-Hungary ini telah memberi kesan-kesan tertentu kepada rakyat di Bosnia-Herzegovina. Kesan yang paling ketara akibat pengambilan Bosnia-Herzegovina oleh kerajaan Austria-Hungary ialah penghijrahan beramai-ramai orang Muslim Bosnia-Herzegovina ke negara-negara Islam, terutamanya di Turki Uthmaniah dan negara-negara-negara Asia Minor yang lain (FO 7/1203).

#### PENGHIJRAHAN MASYARAKAT MUSLIM DARI BOSNIA-HERZEGOVINA

Sejak tahun 1878 beribu-ribu orang Bosnia telah dilaporkan berhijrah keluar dari Bosnia-Herzegovina akibat pemindahan pentadbiran dari kerajaan Islam kepada kerajaan Kristian. Namun

begitu, jumlah tersebut semakin meningkat selepas 1880. Walaubagaimanapun, jumlah sebenar yang berhijrah sebelum 1882 tidak dapat dipastikan jumlahnya kerana kerajaan tidak menyimpan rekod-rekod rasmi tersebut (Malcolm1994). Pada mulanya kebanyakan penghijrahan ini dilakukan oleh keluarga-keluarga golongan ternama. Pada Jun, 1882 terdapat sembilan buah keluarga bangsawan dan diikuti oleh sekumpulan 300 orang yang berhijrah ke Turki Uthmaniah (FO 7/1041 7 Ogos 1882). Jumlah ini kemudian semakin bertambah dan berterusan serta tidak terhad hanya kepada golongan ternama sahaja tetapi melibatkan semua peringkat masyarakat. Satu demi satu keluarga Muslim telah meninggalkan Bosnia (FO 7/104116 Jun 1882). Sehingga Ogos 1882, dilaporkan sejumlah lima belas keluarga Muslim bersama-sama seramai 118 orang telah meninggalkan Bosnia-Herzegovina serta ramai lagi yang sedang menunggu masa yang sesuai untuk berhijrah sepanjang tahun 1882 (FO 7/1041 7 Ogos 1882). Kebanyakan mereka terdiri daripada bangsawan, ahli perdagangan dan golongan pertengahan. Bagi golongan yang kaya raya, mereka menganggap penghijrahan tersebut merupakan satu pengorbanan besar mereka (FO 7/1041 7 Ogos 1882). Ini kerana mereka hanya membiarkan sahaja harta benda termasuk tanah-tanah pertanian dan binatang-binatang ternakan begitu sahaja tanpa sempat dijual atau diuruskan sebelum berhijrah (FO 7/1041 16 Jun 1882). Manakala bagi masyarakat petani pula, mereka menunggu sehingga hasil tuaian mereka dipungut untuk berhijrah. Ini menyebabkan jumlah yang berhijrah semakin bertambah dari semasa ke semasa kerana masing-masing menunggu waktunya yang sesuai untuk meninggalkan Bosnia-Herzegovina.

Jumlah ini seterusnya meningkat pada tahun 1883 di mana sebanyak 700 buah keluarga telah berhijrah dari Bosnia-Herzegovina untuk mencari perlindungan di negara-negara Islam terutamanya di Turki Uthmaniah (FO 7/1057). Penghijrahan tersebut berterusan dari tahun ke tahun. Walaubagaimanapun, keseluruhan mereka yang berhijrah tidak dapat dipastikan dengan tepat. Ini kerana, ramai di antara mereka yang tetap berhijrah walaupun tidak mendapat kebenaran undang-undang. Oleh yang demikian, jumlah sebenar yang berhijrah adalah lebih ramai daripada yang direkodkan. Pada peringkat awal, kerajaan Turki Uthmaniah telah bersetuju untuk menerima dan memberi perlindungan kepada penduduk Bosnia-Herzegovina di Turki Uthmaniah. Mereka telah ditempatkan bersama-sama komuniti

Muslim Bosnia-Herzegovina yang lain di Turki Uthmaniah (FO 7/1041 7 Jun 1882). Namun begitu, akhirnya kerajaan terpaksa menolak kehadiran mereka kerana kerajaan Turki Uthmaniah sendiri tidak dapat lagi menampung jumlah mereka yang telah ramai menetap di Turki Uthmaniah.

Seperti yang dibincangkan di atas, penghijrahan beramai-ramai masyarakat Muslim ini merangkumi pelbagai lapisan kelas masyarakat Muslim di Bosnia-Herzegovina. Ia terdiri daripada kelas bangsawan, pedagang, tuan-tuan tanah yang kaya dan golongan pertengahan yang lain serta tidak ketinggalan para petani. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada penghijrahan masyarakat Muslim dari Bosnia -Herzegovina.

## FAKTOR-FAKTOR PENGHIJRAHAN MASYARAKAT MUSLIM

### AGAMA ISLAM

Faktor agama memainkan peranan yang penting mendorong orang Muslim di Bosnia-Herzegovina untuk berhijrah ke negara-negara Islam yang lain (FO 7/1057). Mereka tidak sanggup untuk diperintah oleh kerajaan Kristian. Sebagai sebuah negara bebas, dari segi prinsip dan teorinya, semua ketua agama di Bosnia-Herzegovina sepatutnya diberi kebebasan untuk mengajar dan mempraktikkan ajaran agama masing-masing tanpa dikongkong oleh kerajaan (Asilatul Hanaa & Fauziah 2021). Begitu juga, setiap institusi agama wajar mendapat layanan yang sama daripada kerajaan. Namun begitu, dari segi praktikalnya, pentadbiran kerajaan Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina banyak memberikan keistimewaan kepada gereja dan penganut Kristian Katolik (FO 7/1086). Selain itu, kerajaan juga memilih dan melantik semua ketua-ketua agama. Dalam ketiga-tiga agama yang terdapat di Bosnia-Herzegovina iaitu Islam, Ortodok dan Katolik, agama Kristian Katolik dan gereja Katolik merupakan kumpulan yang paling berkembang dan berubah dengan cepat sekali. Sebagai contoh, penganut agama Katolik ini telah berkembang dengan pesat dalam tempoh 6 tahun sahaja, iaitu dari sejumlah seramai 800 orang pada tahun 1878, meningkat kepada 3,876 orang pada tahun 1884 di Sarajevo sahaja (FO 7/1086). Gereja Katolik merupakan gereja yang paling aktif sekali di bawah pemerintahan kerajaan Austria-Hungary berbanding beribu-ribu tahun yang lalu dalam sejarah gereja itu di Bosnia-Herzegovina (FO

7/1057). Selain itu, masyarakat Muslim percaya bahawa agama Islam melarang umatnya berada di bawah pimpinan kerajaan Kristian dan mereka ingin kekal di bawah naungan Sultan.

Selain itu, kes-kes murtad atau penukaran agama daripada agama Islam kepada agama Kristian Katolik juga menjadi faktor migrasi orang Muslim di Bosnia. Pada tahun 1891, kerajaan telah mengeluarkan undang-undang yang melarang penukaran agama di kalangan mereka yang di bawah umur 18 tahun dan mewujudkan sebuah suruhanjaya untuk menyiasat kes-kes penukaran agama. Sesiapa yang ingin menukar agama sebelum umur tersebut perlu mendapat kebenaran daripada penjaga mereka. Tindakan ini dilaksanakan setelah masyarakat Muslim mendesak kerajaan mengambil serius tentang kes-kes penukaran agama dalam kalangan orang Muslim. Apa yang membimbangkan orang Muslim ini ialah kerana kes tersebut banyak melibatkan gadis-gadis Muslim yang di bawah umur. Gadis-gadis ini kebanyakannya ingin menukar agama kerana ingin berkahwin dengan lelaki Kristian Katolik.

Penukaran agama merupakan masalah paling besar dan cabaran yang utama berlaku dalam masyarakat Muslim sejak pengambilan Bosnia-Herzegovina oleh kerajaan Austria-Hungary. Sejak tahun 1879 hingga 1900 iaitu selama 22 tahun pentadbiran Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina terdapat 33 kes penukaran agama yang telah dilaporkan secara rasmi (FO 7/1304). Kes penukaran agama yang pertama dikesan adalah pada tahun 1881, di mana seorang gadis berumur dalam lingkungan 16 tahun telah menukar agama untuk berkahwin dengan seorang tukang kayu Kristian Katolik (FO 7/1315 26 Jun 1901).

Selain itu, pada tahun 1890, terdapat kes di mana seorang gadis dalam usia 16 tahun telah memeluk Kristian. Beliau yang bekerja dengan pegawai Austria-Hungary, akhirnya memeluk Kristian dan ingin hidup sebagai biarawati di gereja. Budak tersebut dikatakan terpengaruh dengan ajaran paderi, dan disembunyikan di gereja (FO 7/1290). Kejadian seperti ini bukan sahaja menjadikan wanita tersebut murtad tetapi juga memalukan kaum keluarganya. Walaupun, paderi Katolik tidak menggalakkan secara terbuka untuk mereka menganuti agama Katolik tetapi mereka cuba sedaya upaya untuk menolong orang yang datang kepada mereka untuk memeluk agama Kristian Katolik. Wanita-wanita ini akan dilindungi dan disembunyi oleh pihak gereja di sekolah-sekolah Katolik ataupun di

rumah paderi. Pihak gereja tidak mahu memberikan kerjasama atau memberitahu di mana wanita-wanita tersebut disembunyikan (FO 7/1290). Selain itu, kes melibatkan seorang wanita janda yang bernama Sala Sibric bersama 2 orang anaknya yang berasal daripada sebuah wilayah yang dikenali sebagai Konjica di Herzegovina, telah dikristiankan oleh Arch-bishop Stadler. Beliau dan kedua-dua anaknya itu dilaporkan, telah dikristiankan semasa paderi itu membuat lawatan ke wilayah tersebut (FO 7/1345 3 April 1903). Masyarakat Muslim menjadi semakin marah kepada kerajaan kerana mendiamkan diri dalam hal tersebut. Ini kerana sekiranya kerajaan lemah dalam menanggani isu penukaran agama, masyarakat Muslim di Bosnia-Herzegovina akan lenyap suatu masa nanti (FO 7/1345 3 April 1903). Isu penukaran agama merupakan faktor orang Muslim berhijrah kerana kebimbangan dan hilang keyakinan terhadap kesungguhan kerajaan Austria-Hungary untuk menanggani isu agama di Bosnia-Herzegovina.

#### KEHILANGAN HAK KEISTIMEWAAN

Salah satu sebab yang mendorong Muslim di Bosnia-Herzegovina berhijrah adalah disebabkan kehilangan hak keistimewaan mereka (FO 7/1345 3 April 1903). Semasa pentadbiran kerajaan Turki Uthmaniah, orang Muslim mempunyai pekerjaan yang baik dan merupakan pegawai-pegawai penting dalam jabatan kerajaan. Sekarang jawatan-jawatan tersebut telah diambil alih oleh kakitangan-kakitangan Kristian. Kini mereka tidak lagi mempunyai pengaruh dalam jabatan kerajaan seperti sebelum kedatangan Austria-Hungary. Situasi tersebut telah menimbulkan perasaan rendah diri dalam kalangan orang Muslim. Ini kerana mereka yang pernah memerintah, kini diperintah oleh orang asing dalam negeri sendiri. Keyakinan kerajaan itu bahawa masyarakat Muslim di Bosnia-Herzegovina akan dapat disosialisasikan dan menyesuaikan diri dengan kerajaan baru itu adalah tidak tepat (FO 7/1005 3 Julai 1879).

Orang Muslim juga yang sekian lama mendendamai kerajaan Austria-Hungary semakin tidak dapat membendung kemarahan mereka terhadap kerajaan apabila terdapat usaha kerajaan untuk mencampuri urusan yang berkaitan dengan hal ehwal urusan dan budaya masyarakat Muslim. Keistimewaan yang dinikmati oleh orang Muslim sebelum kedatangan Austria-Hungary kini dihapuskan. Contohnya, hak pemilikan senjata yang

selama ini menjadi budaya orang Muslim telah dimansuhkan dan perubahan undang-undang dalam sistem agraria telah banyak membawa kerugian kepada tuan-tuan tanah Muslim. Mereka merasakan hak mereka banyak telah direbut oleh rakan Kristian mereka. Apa yang diinginkan oleh orang Muslim di Bosnia-Herzegovina adalah untuk terus berada di bawah naungan Sultan. Pada tahun 1901, orang Muslim dari beberapa daerah di Bosnia-Herzegovina telah melancarkan demonstrasi terhadap kerajaan Austria-Hungary di bawah pimpinan Haji Ali Effendi dari Mostar (FO 7/1329).

#### SERANGAN KE ATAS ORANG MUSLIM SEMASA PEMBERONTAKAN 1879

Kegagalan reformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu para petani menyebabkan tanaman tidak dapat diusahakan. Cuaca yang buruk telah melanda Bosnia- Herzegovina sepanjang tahun 1879. Musim salji yang panjang dan diikuti dengan hujan lebat sepanjang musim panas, telah membawa kehancuran kepada tanam-tanaman (FO 7/1026). Mereka memerlukan bantuan seperti biji benih dan peralatan untuk membolehkan mereka bercucuk tanam semula. Ini bukan tanggungjawab tuan tanah untuk menyediakan bantuan tersebut kepada petani. Kebanyakan tuan tanah adalah orang Muslim. Kegagalan mengusahakan pertanian menyebabkan mereka kekurangan makanan dan tidak mempunyai bekalan yang cukup untuk menampung keperluan mereka. Ini menyebabkan ramai dalam kalangan mereka yang menyertai kegiatan pemberontakan menentang kerajaan pada 1879 (FO 7/1005 25 Sept 1879).

Pada April 1879, penduduk Kristian Bosnia-Herzegovina telah menghantar satu petisyen kepada kerajaan Austria-Hungary yang ditandatangani oleh seramai seratus lima puluh orang perwakilan Kristian dari seluruh Bosnia-Herzegovina (FO 105/6). Mereka menuntut supaya kerajaan membuat pemulihan dan reformasi dengan segera supaya dapat mengembalikan keamanan di wilayah tersebut. Antaranya, mereka mendesak supaya kerajaan mengambil tindakan segera ke atas tanah-tanah terbiar dan membaiki segera rumah-rumah yang musnah akibat Perang Rusia-Turki 1877. Kelewatan memperbaiki tempat perlindungan ini, akan menyebabkan jumlah kematian yang teruk menjelang musim sejuk.

Kerajaan Austria-Hungary juga dikatakan tidak mematuhi perjanjian yang dipersetujui oleh

kuasa-kuasa besar Eropah (FO 105/6). Mengikut persetujuan, kerajaan Austria-Hungary perlu memberi bantuan kewangan kepada rakyat yang menderita akibat perang sebanyak 10-florin sehari. (Florin adalah unit dalam kiraan matawang Austria-Hungary sebelum tahun 1999. 100sen florin bersamaan dengan RM2.20. Ini adalah berdasarkan rujukan yang dibuat daripada ‘World Currencies’ pada Februari 2018). Sebaliknya, kerajaan hanya memberikan sebanyak 5-florin sehari sahaja. Jumlah ini tidak mencukupi kepada pelarian-pelarian yang kembali semula ke Bosnia-Herzegovina untuk meneruskan kehidupan dengan keluarga. Ramai dalam kalangan mereka yang telah melarikan diri akibat perang yang berlaku antara Serbia dengan Turki pada tahun 1876-1878. Oleh itu, banyak harta benda mereka yang musnah kerana perang terutamanya rumah dan tanah perladangan mereka. Bantuan kerajaan yang kecil tidak mampu untuk mereka meneruskan kehidupan dan mengusahakan pertanian mereka. Tambahan pula, banyak kerja-kerja berat yang terpaksa dilakukan seperti mengusahakan tanah-tanah terbengkalai dan memperbaiki semula rumah-rumah yang musnah akibat perang. Keadaan rakyat semakin melarat dan bertambah buruk dengan kedatangan musim salji di mana sebanyak 50,000 pelarian telah kembali ke kampung halaman masing-masing untuk mendapatkan perlindungan, tetapi tidak ada sebarang langkah yang diambil oleh kerajaan Austria-Hungary untuk membantu pelarian Bosnia ini. Akibat dari itu, seramai 20,000 orang daripada jumlah pelarian telah meninggal dunia akibat cuaca yang sejuk dan tiada tempat perlindungan yang sempurna. Sepatutnya, memberi kemudahan asas dan menjaga kebijakan rakyat adalah tanggungjawab kerajaan Austria-Hungary tanpa mengira batasan agama.

Oleh yang demikian, pada Ogos 1879, satu pemberontakkan bersenjata yang terdiri daripada sembilan ratus orang telah berlaku di wilayah Nevessin, Herzegovina (FO 7/1005 28 Oktober 1879). Wilayah ini adalah wilayah yang sama mencetuskan pemberontakan terhadap kerajaan Turki Uthmaniah di Bosnia-Herzegovina pada tahun 1875. Kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada petani-petani Kristian Serb. Mereka telah mengancam keselamatan awam di Bosnia-Herzegovina dengan menyerang dan memeras ugut mangsa-mangsa mereka untuk mendapatkan makanan dan wang. Mangsa-mangsa mereka pula kebanyakannya adalah terdiri daripada orang

Muslim. Mereka juga telah menyerang tentera kerajaan ketika tentera tersebut ingin memulihkan keadaan di wilayah tersebut. Dalam pertempuran tersebut, sepuluh orang pemberontak dilaporkan telah terbunuh, manakala tentera kerajaan tidak mengalami sebarang kecederaan (FO 7/1005 28 Oktober 1879).

Keadaan ini telah mendorong para petani Kristian bertindak liar terhadap tuan-tuan tanah yang kebanyakannya adalah Muslim. Mereka enggan mengerjakan tanaman dan bertindak meninggalkan tanah pertanian mereka (FO 7/1005 19 Februari 1879). Apabila tuan tanah meminta bahagiannya atau sewa daripada tanah yang disewakan kepada petani-petani, mereka menyerang tuan-tuan tanah. Ini menyebabkan tuan-tuan tanah sentiasa merasa keselamatan mereka terancam. Selain itu, tuan-tuan tanah juga mengalami kerugian kerana tanah yang disewakan kepada petani-petani Kristian terbiar tanpa dikerjakan. Masalah ini telah merebak ke seluruh Bosnia-Herzegovina. Ini menyebabkan keamanan di Bosnia-Herzegovina tergugat kerana percaduhan antara tuan tanah dan petani. Orang Muslim merasa tidak selamat lagi untuk tinggal di Bosnia-Herzegovina tanpa naungan Sultan. Ini juga menjadi faktor migrasi Muslim Bosnia-Herzegovina ke negara jajahan Turki Uthmaniah yang lain untuk mendapat perlindungan.

#### KEGANASAN TERHADAP ORANG MUSLIM DALAM PEMBERONTAKAN 1882

Orang Muslim tidak sanggup lagi berdepan dengan masyarakat Kristian yang memberi pelbagai kesulitan kepada mereka (FO 7/1005, 19 Februari, 1879). Masyarakat Kristian menjadi semakin bermaharajalela di bawah pemerintahan kerajaan Austria-Hungary. Mereka menjadi mangsa kepada orang Kristian Serb akibat kegagalan reformasi Austria-Hungary dan kebencian bangsa Serb terhadap kehadiran Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina (Azlizan 2010). Rumah-rumah mereka dicerobohi dan pelbagai keganasan dilakukan terhadap orang Muslim oleh pemberontak-pemberontak Kristian. Anak-anak mereka diculik dan ahli keluarga dibunuh sekiranya enggan bekerjasama dengan pemberontak Serb. Undang-undang militeri tahun 1882, yang menghalang penduduk tempatan menyimpan senjata menyebabkan orang Muslim yang diserang tidak dapat bertindak balas dengan pemberontak. Mereka hanya menggunakan senjata seperti pisau dan kapak yang terdapat di rumah untuk mempertahankan diri.

Apa yang mengecewakan kerajaan sendiri gagal menjamin keselamatan mereka (FO 7/1041 21 Oktober 1882).

Migrasi pelbagai kelas masyarakat ini menunjukkan bahawa kemerosotan ekonomi di Bosnia-Herzegovina di awal tahun 1880an, bukanlah juga merupakan sebab utama yang mendorong umat Islam Bosnia berhijrah. Sebaliknya, migrasi ini adalah merupakan salah satu tindakan protes yang ditunjukkan oleh orang Muslim terhadap pendudukan kerajaan Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina. Pengambilan dan pemerintahan Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina, dari mula lagi tidak popular dalam kalangan masyarakat Bosnia-Herzegovina. Reformasi ini telah mewujudkan beberapa siri rusuhan dan pemberontakan di dalam negeri sejak pengambilannya pada tahun 1878. Rusuhan dan pemberontakan yang meletus di Bosnia-Herzegovina tidak terbatas kepada orang Muslim atau Kristian sahaja, tetapi melibatkan kedua-duanya.

#### PENINGKATAN HUKUMAN GANTUNG

Hukuman gantung dan bunuh yang dikenakan kepada rakyat yang memberontak terhadap kerajaan Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina lebih tinggi jumlahnya berbanding zaman pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniah sebelum ini dan sangat mengecewakan rakyat (FO 7/1041 21 Oktober 1882). Menurut para pemberontak, walaupun rakyat pernah melancarkan pemberontakan yang hebat menentang kerajaan Turki Uthmaniah, tetapi jumlah yang dikenakan hukuman gantung tidak sewenang-wenangnya seperti yang diamalkan oleh kerajaan Austria-Hungary sekarang untuk menghentikan pemberontakan terhadapnya. (FO 7/1041 21 Oktober 1882). Menurut mereka lagi, hampir setiap hari terdapat rakyat Bosnia yang dipancung dan kebanyakan mereka tidak dibicarakan dahulu sebelum hukuman tersebut dikenakan. Mereka menganggap bahawa tindakan tersebut bukan sahaja tidak dapat menghalang penentangan rakyat terhadap kerajaan, tetapi akan menyebabkan keadaan menjadi bertambah buruk. Ini kerana langkah tersebut bukan suatu langkah yang bijak bagi sebuah kerajaan yang bertamadun dan bukan amalan bagi sebuah negara bebas.

Antara lain, mereka mencadangkan supaya kerajaan bekerjasama dengan rakyat tempatan untuk mendapatkan pandangan dan nasihat sebelum keputusan dijatuhkan ke atas rakyat. Mereka turut menuntut hak untuk bebas berbincang dan memiliki

kebebasan bersuara dalam hubungan yang berkaitan dengan negara mereka. Mereka mengingatkan lagi kerajaan, bahawa segala undang-undang yang yang menghalang kebebasan dan menimbulkan ketidakpuasan hati ini, patut dihapuskan. Sekiranya kerajaan gagal membendung kemarahan rakyat, reformasi ini akan berakhir dengan revolusi suatu hari nanti (FO 7/1041 21 Oktober 1882). Namun begitu, tuntutan-tuntutan di atas tidak dapat dipenuhi oleh kerajaan sepenuhnya. Ini kerana sejak pengambilan Bosnia-Herzegovina, kerajaan lebih berusaha untuk mengukuhkan kedudukan mereka di Bosnia-Herzegovina berbanding memperbaiki ekonomi penduduk. Oleh itu reformasi yang diharapkan untuk merubah kehidupan masyarakat miskin terutamanya golongan petani yang terdiri daripada orang Kristian tidak dapat terlaksana sepenuhnya.

Golongan petani juga mendakwa, bahawa nasib mereka masih tidak terbela di bawah pentadbiran Austria-Hungary yang telah diberi mandat oleh kuasa-kuasa besar yang sepatutnya memperkenalkan reformasi ke arah mewujudkan pentadbiran yang lebih baik dan membawa keamanan di Bosnia-Herzegovina (FO 7/1005 20 September 1880). Namun begitu, bukan sahaja golongan petani, malah akhirnya semua kelas dan golongan masyarakat mengadu dan tidak berpuashati dengan kerajaan Austria-Hungary. Penduduk tempatan tertanya-tanya akan reformasi yang sepatutnya diperkenalkan oleh kerajaan untuk membela nasib mereka. Sebaliknya mereka mendakwa, nasib mereka adalah lebih baik di bawah kerajaan Turki Uthmaniah berbanding di bawah rejim yang baru ini (FO 7/1005 1 Julai 1879). Bagi orang Muslim mereka ingin kekal sebagai rakyat Sultan dan migrasi adalah pilihan yang terbaik kepada mereka.

#### PERUBAHAN DALAM SISTEM WAKAF

Undang-undang wakaf 1882 yang digubal oleh kerajaan Austria-Hungary banyak merubah perlaksanaan sistem wakaf sebelum ini (Nur Ainul & Ermy Azziaty 2017). Antaranya, undang-undang baru menentukan bahawa kerajaan sahaja yang berhak memilih ahli Reisul Ulama bagi menguruskan hal yang berkaitan dengan wakaf. Kedua, segala urusan kewangan yang berkaitan dengan perbelanjaan harta wakaf akan dipantau dengan tegas oleh kerajaan tempatan. Perbelanjaan tersebut akan diaudit dan resit akan dikeluarkan bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan ke atas

harta wakaf tersebut (FO 7/1263). Sebelum ini, urusan pemilihan Reisul Ulama dan urusan wakaf ditentukan dan dikendalikan oleh orang Muslim yang mendapat kepercayaan masyarakat Muslim dan mendapat persetujuan daripada kerajaan Turki Uthmaniah. Perubahan perlaksanaan pelantikan Reisul Ulama dan sistem wakaf ini mendapat tentangan daripada orang Muslim kerana kerajaan Austria-Hungary telah mencampuri urusan hal ehwal agama Islam. Selain itu, mereka juga tidak bersetuju bahawa gaji mufti atau Reisul Ulama akan dibayar menggunakan hasil pendapatan daripada harta wakaf yang mana sebelum ini gaji tersebut dibayar oleh kerajaan.

Kedua-dua reformasi dalam bidang pengurusan wakaf dan perlantikan Reisul Ulama mendapat tentangan daripada orang Muslim dan menjadikan pentadbiran Austria-Hungary gagal memenangi hati masyarakat Muslim. Mereka tidak menyenangi urusan keagamaan mereka dikawal dan ditentukan oleh pegawai asing (FO 7/1263). Mereka juga menentang tindakan kerajaan tersebut kerana kawalan yang berkaitan dengan isu-isu keagamaan seperti ini tidak dikenakan ke atas masyarakat Kristian yang lain di Bosnia-Herzegovina. Mereka menuntut supaya kerajaan memberi kebebasan sepenuhnya ke atas mereka untuk menguruskan semua urusan keagamaan (FO 7/1315 29 Mac 1901). Mereka turut memberi amaran kepada kerajaan bahawa seramai lima belas ribu orang Muslim sedang bersiap sedia untuk berhijrah dari Bosnia-Herzegovina (FO 7/1315 29 Mac 1901). Penghijrahan tersebut dapat memberikan imej yang buruk terhadap kerajaan Austria-Hungary.

Manakala tujuan kerajaan mengadakan suruhanjaya wakaf di Bosnia-Herzegovina di bawah pengawasan kerajaan juga mempunyai sebab yang tersendiri. Mereka tahu tujuan kerajaan adalah untuk mengawal segala urusan perbelanjaan dari wakaf yang selama ini bebas dilaksanakan tanpa sebarang pengawalan dan tanggungjawab dari Istanbul. Pelaksanaan sistem baru ini juga secara tidak langsung telah menghilangkan kuasa mufti yang selama ini bertanggungjawab menjaga harta wakaf, sebaliknya menjadikan kerajaan tempatan lebih berkuasa ke atas tanah-tanah yang diwakafkan (FO 7/1315 29 Mac 1901).

Begitu juga dengan pelantikan Reisul Ulama tanpa persetujuan daripada Sheikhul Islam di Istanbul adalah bertujuan untuk memisahkan hubungan antara pemimpin masyarakat Muslim di Bosnia-Herzegovina dengan kerajaan Turki Uthmaniah.

Ini kerana kerajaan Austria-Hungary bimbang akan hubungan antara kedua-duanya dan pengaruh dari Istanbul boleh menggugat kedudukannya di Bosnia-Herzegovina. Justeru, petisyen yang dihantar kepada kerajaan Austria-Hungary berkaitan isu wakaf dan pelantikan Reisul Ulama tidak mendapat tindakbalas yang positif. Sebaliknya kerajaan tidak menerima petisyen tersebut dengan alasan bahawa, Bosnia-Herzegovina telah mempunyai Menteri Kewangan yang sepatutnya menguruskan masalah ini. Selain itu, kerajaan juga menolak petisyen tersebut kerana menurut mereka, orang Muslim sering mengemukakan tuntutan yang sama, di mana kerajaan tidak dapat merealisasikannya. Ini kerana sekiranya kerajaan menerima tuntutan orang Muslim, kerajaan juga akan menerima tekanan daripada penganut-penganut agama Kristian Ortodok di Bosnia-Herzegovina (FO 7/1304 28 November 1900). Oleh itu tuntutan orang Muslim dalam dua isu yang penting bagi orang Muslim iaitu sistem perlantikan Reisul Ulama dan cara perlaksanaan wakaf tidak dipersetujui. Menurut kerajaan Austria-Hungary, orang Muslim sering menghantar bantahan terhadap kerajaannya kerana mendendami Austria-Hungary. Ini telah menimbulkan kemarahan dalam kalangan orang Muslim.

Selain itu pada Disember 1900, perwakilan Muslim yang terdiri dari seluruh Bosnia-Herzegovina yang di antaranya terdiri daripada Mufti (Mostar) dan Bali Bey (tuan tanah yang kaya raya) telah mengadakan perjumpaan dengan kerajaan Austria-Hungary yang diwakili oleh Baron Von Kallay dan Baron Kutchers. Isu-isu yang diperbincangkan adalah mengenai pentadbiran harta wakaf dan sistem perlantikan Reisul Ulama (FO 7/1315 29 Mac 1901). Namun perbincangan tersebut gagal memenuhi tuntutan-tuntutan orang Muslim.

Kegagalan rundingan tersebut menyebabkan perwakilan orang Muslim yang diketuai oleh Haji Sali Effendi, iaitu mufti dari Mostar, menuju ke Istanbul untuk membuat aduan kepada Sultan. Bersama-sama dengan beliau ialah lima orang pemimpin lain dari setiap wilayah di Bosnia-Herzegovina. Mereka terdiri daripada Hamdi Bey Hassan Pasic (Travnic), Haji Suleiman Bey Covic (Banjaluka) Iskandar Bey (Bihac) dan Haji Osman Effendi (Tuzla) (FO 7/1329). Misi rombongan tersebut adalah untuk mengemukakan kekecewaan dan kemarahan penduduk Bosnia terhadap pentadbiran Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina khususnya layanan terhadap orang Muslim. Walaubagaimanapun,

tindakan mereka itu dianggap sebagai menentang kerajaan. Oleh itu, mereka telah didapati bersalah atas beberapa tuduhan. Pertama, mereka dikatakan telah menghasut orang ramai terutamanya masyarakat Muslim supaya menentang kerajaan. Kedua, mereka dituduh menghasut orang ramai supaya meninggalkan Bosnia-Herzegovina dan ketiga mereka didakwa menyeludup senjata dengan tujuan menganggu keselamatan dalam negeri. Akhirnya, keenam-enam mereka telah didapati bersalah dan dilarang masuk ke Bosnia-Herzegovina. Mereka akan dikenakan hukuman sekiranya mereka pulang dan berada di Bosnia-Herzegovina (FO 7/1329).

Keputusan kerajaan tersebut telah mencetuskan kemarahan seluruh Muslim di Bosnia-Herzegovina. Malah, perbicaraan ke atas mereka telah dijalankan di wilayah Travnik. Ini kerana kebimbangan kerajaan sekiranya mereka dibicarakan di Sarajevo atau Mostar, akan mencetuskan pemberontakan dan kebangkitan dalam kalangan seluruh Muslim di Bosnia-Herzegovina terhadap kerajaan. Walaubagaimanapun, bagi meredakan gerakan anti Austria-Hungary, pada tahun 1903, kerajaan telah menarik balik keputusan tersebut, dan telah membenarkan keenam-enam pemimpin pulang ke Bosnia-Herzegovina, namun begitu, mereka enggan pulang ke Sarajevo, sebaliknya terus menetap di Istanbul (FO 7/1345 30 November 1903).

## IMPLIKASI MIGRASI

Seperti perbincangan sebelum ini, orang Muslim yang berhijrah daripada Bosnia-Herzegovina telah meninggalkan bersama tanah-tanah perladangan dan rumah-rumah mereka begitu saja. Tanah-tanah tersebut telah diambil milik oleh petani yang menyewa tanah mereka dan kerajaan pula telah mewartakan tanah-tanah yang terbiar sebagai hak milik kerajaan. Bagi sebahagian orang Muslim, mereka meninggalkan harta benda dengan harapan akan berulang-alik antara Bosnia dengan petempatan baru nanti. Ada dalam kalangan pelarian ini yang berjaya pulang ke Bosnia, namun ramai juga yang telah terkandas dalam perjalanan dan meninggal dunia disebabkan kesejukan cuaca, kekurangan makanan dan penyakit. Kebanjiran pelarian yang mencari perlindungan ini adalah dianggarkan melebihi 100,000 orang antara 1878 hingga 1912 (Amzi-Erdogdular 2013). Kebanyakan keluarga bangsawan Bosnia-Herzegovina telah berhijrah ke Istanbul, Izmir, dan Damascus. Sesetengah pula memilih untuk menetap di Haifa, Nablus dan

Caesarea di Palestin bagi membentuk penempatan Bosnia. Tidak ketinggalan juga orang Muslim Bosnia yang memilih untuk menetap di negeri-negeri sempadan Balkan di bawah jajahan Turki Uthmaniah yang berhampiran Bosnia-Herzegovina. Mereka berhijrah ke wilayah Turki Uthmaniah yang lain adalah sebagai salah satu bentuk kesetiaaan dan keikhlasan. Ini membabitkan kesetiaan kepada negeri, perkhidmatan dalam tentera, melindungi sempadan negara dan keselamatan termasuk membayar cukai kepada kerajaan (Šuško 2014). Kesetiaan mereka ini jelas dilihat sebagai kewajipan asas masing-masing kepada empayar kerajaan Turki Uthmaniah yang memerintah Bosnia-Herzegovina selama lebih 400 tahun.

Pada peringkat awal kerajaan Turki Uthmaniah di bawah Sultan Abdul hamid II, percaya bahawa Turki Uthmaniah perlu melindungi pelarian Bosnia Herzegovina. Kerajaan telah menyediakan rumah, pengangkutan dan tanah pertanian untuk mereka mengusahakannya (Nasirogl 2012). Kerajaan telah menerima kedatangan mereka dengan baik dan menyediakan segala keperluan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sejarah telah membuktikan kerajaan Turki Uthmaniah mengambil berat keadaan yang berkaitan dengan nasib Islam dan Muslim di Balkan (Karpat 2002). Namun akhirnya, penghijrahan dari Bosnia-Herzegovina secara berperingkat-peringkat dan beramai-ramai sejak tahun 1875 hingga 1913 ini menjadi satu cabaran besar kepada kerajaan Turki Uthmaniah dan pendatang-pendatang ini apabila mereka menghadapi masalah kesesakan dan kelaparan (Amzi-Erdogdular 2013). Mereka terpaksa mengemis di jalanan dan masjid untuk makanan. Selain itu, kerajaan tempatan juga tidak dapat lagi menyediakan rumah dan kenderaan apabila mereka tiba di Istanbul. Migrasi yang berlaku di jajahan Turki Uthmaniah bukannya hanya daripada Bosnia-Herzegovina sahaja, tetapi juga di seluruh empayarnya di Balkan dan Eropah. Proses migrasi ini telah bermula sejak tahun 1860an selepas Rusia tewas ke tangan Turki Uthmaniah dan sekutunya dalam Perang Crimea pada tahun 1856 (Amzi-Erdogdular 2013). Oleh itu migrasi menjadi bebanan bukan saja kepada pendatang tetapi juga kepada kerajaan Turki Uthmaniah. Jumlah yang berhijrah ke Istanbul sahaja telah melebihi beratus-ratus ribu orang. Malah, kerajaan Turki Uthmaniah pada 1880 telah memindahkan seramai 200,000 orang pendatang ke Anatolia untuk mendapatkan perlindungan dan kehidupan. Pada tahun tersebut

jugak kerajaan Turki Uthmaniah terpaksa membuka sebuah bank untuk memberi pinjaman kepada 60,000 pendatang di Istanbul untuk membantu mereka. Menjelang 1904, kerajaan Turki Uthmaniah telah mengeluarkan undang-undang menyekat permit membenarkan orang Bosnia-Herzegovina berhijrah ke empayar Turki Uthmaniah (Manasek 2013). Namun, proses migrasi masih berterusan setelah Austria-Hungary secara rasmi mengambil Bosnia-Hezregovina pada tahun 1908 dan selepas Perang Balkan 1912-1913 antara Turki Uthmaniah dengan pakatan Serbia, Bulgaria dan Montenegro. Kerajaan Turki Uthmaniah tidak dapat menghalang penghijrahan beribu-ribu orang Bosnia dan Herzegovina ke negeri-negeri lain dalam empayar Uthmaniyah untuk mencari perlindungan (Manasek 2013).

Apabila kuasa-kuasa besar Eropah mendapati terlalu banyak penghijrahan, kuasa-kuasa besar Eropah telah mendesak Austria-Hungary supaya menguatkuasakan undang-undang untuk menghalang lebih ramai orang daripada keluar daripada Bosnia-Herzegovina. Selain itu, kuasa-kuasa besar Eropah juga menuntut supaya Austria-Hungary memberi layanan yang baik dan adil serta tidak menghukum orang Muslim apabila mereka kembali ke Bosnia-Hezregovina. Isu migrasi bukanla masalah kerajaan Turki Uthmaniah tetapi adalah masalah dalam sistem pentadbiran Austria-Hungary. Kekerasan yang dilakukan ke atas golongan Muslim oleh kerajaan Austria-Hungary hanya menyebabkan mereka berhijrah. Pada satu sisi lain pula, Austria-Hungary, mempunyai kepentingan untuk mengekalkan populasi penduduk Muslim di Bosnia-Herzegovina. Ini kerana kejayaannya memelihara populasi Muslim di Bosnia-Herzegovina menunjukkan keupayaan kerajaan untuk memerintah, mentadbir, memelihara dan mengekalkan golongan elit di wilayah Bosnia-Herzegovina (Manasek 2013). Melalui bancian yang dibuat pada tahun 1910, daripada sejumlah 1,898,044 penduduk di Bosnia-Herzegovina, adalah didapati sebanyak 32 peratus penduduk di Sarajevo adalah bangsa Yahudi dan Kristian Katolik (Tanovic 2014). Mereka datang daripada pelbagai wilayah empayar Habsburgh (Austria-Hungary) ke Sarajevo dan bekerja sebagai pegawai kerajaan, pedagang dan lain-lain pekerjaan (Tanovic 2014). Penghijrahan orang Yahudi dan Kristian Katolik di Sarajevo menunjukkan peningkatan jumlah kedua-dua kaum itu di Bosnia-Herzegovina berbanding semasa pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniah iaitu hanya 19.4 peratus orang Kristian Katolik di

seluruh Bosnia-Herzegovina dan bangsa Yahudi pula hanya lebih kurang 3.6 peratus sahaja mengikut bancian tahun 1876. Pentadbiran Austria-Hungary menarik golongan Yahudi dan Kristian Katolik dari seluruh empayarnya untuk berhijrah dan menetap di Bosnia-Herzegovina, khususnya Sarajevo. Dasar Austria-Hungary ini sebaliknya menggalakkan dan menyebabkan proses migrasi golongan Muslim keluar dari Bosnia-Herzegovina semakin ramai untuk mencari penempatan baru ke empayar Turki Uthmaniah yang lain.

### KESIMPULAN

Kedatangan Austria-Hungary ke Bosnia-Herzegovina seperti yang dipersetujui oleh kuasa-kuasa besar Eropah menerusi Perjanjian Berlin 1878, adalah untuk memulihkan keamanan di wilayah tersebut. Oleh yang demikian, kerajaan Austria-Hungary cuba memperkenalkan reformasi dalam bidang pentadbiran termasuk politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan agama. Namun begitu, reformasinya gagal membawa keamanan dan kesejahteraan di Bosnia-Herzegovina. Ini juga secara tidak langsung menggambarkan bahawa pentadbiran yang diperkenalkan oleh kerajaan Austria-Hungary gagal memenuhi harapan kuasa-kuasa besar untuk memberi keamanan kepada Bosnia-Herzegovina seperti yang diamanahkan kepadanya menerusi Perjanjian Berlin 1878. Salah satu kesan yang nyata akibat pendudukan Austria-Hungary ini ialah penghijrahan beramai-ramai masyarakat Muslim dari Bosnia-Herzegovina. Migrasi tersebut merupakan salah satu bentuk protes yang dilakukan oleh masyarakat Islam terhadap pendudukan kerajaan Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina. Mereka tidak suka diperintah oleh kerajaan Kristian. Oleh itu, ini telah membawa kepada penghijrahan mereka ke negara-negara Islam yang lain seperti Turki dan Asia Minor. Akibat daripada penghijrahan ini, mereka telah meninggalkan kepentingan diri seperti harta benda dan kedudukan dalam masyarakat. Penghijrahan ini juga didorong oleh pegangan masyarakat Muslim bahawa Islam melarang umatnya berada di bawah pemimpin yang bukan beragama Islam.

Antara faktor utama penentangan orang Muslim terhadap pentadbiran Austria-Hungary ialah, keghairahan kerajaan untuk memperkenalkan budaya dan sistem pentadbiran Eropah sebelum penduduk tempatan bersedia untuk menerimanya. Mereka yang telah sekian lama berada di bawah

pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniah yang berteraskan hukum-hukum Al-Quran dan Sunnah tidak dapat menyesuaikan diri dengan reformasi barat yang diperkenalkan secara mendadak oleh kerajaan. Dasar kerajaan terhadap isu-isu keagamaan ternyata menimbulkan tunjuk perasaan di negeri itu. Orang Muslim di Bosnia-Herzegovina tidak dapat menerima sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Bagi orang Muslim mereka tidak pernah menyenangi langkah kerajaan menyelia segala urusan dan aktiviti keagamaan mereka. Pengawasan kerajaan terhadap sistem wakaf telah menimbulkan penentangan dalam kalangan orang Muslim. Tindakan kerajaan mengawal urusan kewangan seperti dana masjid turut mendapat tentangan bukan sahaja dalam kalangan komuniti Islam tetapi juga Kristian Ortodok. Selain itu, keistimewaan yang dinikmati oleh orang Muslim sebelum kedatangan Austria-Hungary telah dihapuskan oleh kerajaan, yang banyak merugikan masyarakat Muslim. Mereka merasakan hak mereka telah direbut oleh rakan Kristian mereka. Apa yang diinginkan oleh orang Muslim di Bosnia-Herzegovina adalah untuk terus berada di bawah naungan Sultan. Faktor-faktor tersebut telah membawa kepada penghijrahan orang Muslim dari Bosnia-Herzegovina, untuk mendapat perlindungan Sultan dalam empayar Turki Uthmaniah.

### PENGHARGAAN

Kajian ini dibiaya oleh dana penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (FRGS/1/2021/SSI/UKM/02/1)

### RUJUKAN

- Amzi-Erdogdular, L. 2013. Afterlife of Empire: Muslim-Ottoman Relations in Habsburg Bosnia Herzegovina, 1878-1914. (Unpublished doctoral dissertation). Columbia University, Columbia.
- Anderson, M. S. 1966. *The Eastern Question 1774-1923*. New York: Macmillan St. Martin's Press.
- Asilatul Hanaa Abdullah, Fauziah Fathil. 2021. The concept of Al-Ta'ayush in Islamic cosmopolitanism: From Medina to Istanbul and Malacca. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 39(2): 153-164.
- Azlizan Mat Enh. 2010. World War 1: Who was to blame? *Tamkang Journal of International Affairs* 13(3): 45-88.
- Azlizan Mat Enh. 2014. The First Balkan War, 1912-1913: An analysis from british records *Tamkang Journal of International Affairs* 18(1): 109-140.

- FO 105/6, Kapten Hewage kepada Foreign Secretary, Transmits alleged: "Petition from 150 Christian Of Bosnia and the Herzegovina kepada Count Andrassy" praying for relief kepada the perishing refugees, and administration reforms, Belgrade,2 April 1879.
- FO 7/1005, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 19 Februari 1879.
- FO 7/1005, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 1 Julai 1879.
- FO 7/1005, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 3 Julai 1879.
- FO 7/1005, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 20 September 1880.
- FO 7/1005, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 25 September 1879.
- FO 7/1005, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 28 Oktober 1879.
- FO/1203, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 22 November 1881.
- FO 7/1026, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Report On The Trade of Bosnia Herzegovina For The Year 1880, 5 Mac 1881.
- FO 7/1041, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 7 Jun 1882.
- FO 7/1041, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 16 Jun 1882.
- FO 7/1041, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report Sarajevo, 21 Oktober, 1882.
- FO 7/1041, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 7 Ogos,1882.
- FO 7/1041, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 7 Jun 1882.
- FO 7/1057, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 26 Jun 1883.
- FO 7/1086, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 10 September 1885.
- FO 7/1263, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 23 Mac 1895.
- FO 7/1290, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 27 November 1890.
- FO 7/1304, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 28 November 1900.
- FO 7/1304, Petikan daripada ucapan Her Von Szell, Perdana Menteri Hungary, in an answer to an interpellation in Hungarian Parliament on the Bosnian Administration, Sarajevo, 28 November 1900.
- FO 7/1315, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 26 Jun 1901.
- FO 7/1315, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 29 Mac 1901.
- FO 7/1329, Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo 20 Mac 1902.
- FO 7/1345, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 3 April 1903.
- FO 7/1345, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 9 April 1903.
- FO 7/1345, Surat Consul Holmes Freeman kepada Foreign Secretary, Consul Report, Sarajevo, 30 November 1903.
- FO 373/1/11, Bosnia And Herzegovina, handbook prepared under the direction of the historical section of foreign office No.10, Foreign Office, London, 1919 M.S. Anderson, *The Eastern Question 1774-1923*, Macmillan St. Martin's Press, New York, 1966
- FO 105/6, Kapten Hewage kepada Foreign Secretary, Transmits alleged: "Petition from 150 Christian Of Bosnia and the Herzegovina kepada Count Andrassy" praying for relief kepada the perishing refugees, and administration reforms, Belgrade,2 April 1879.
- Karpat, K. 2002. *Studies on Ottoman Social and Political History: Selected Articles and Essays*. Leiden: Brill.
- Malcolm, N. 1994. *Bosnia A Short History*. London: Macmillan Publishers Ltd.
- Manasek, J. 2013. *Empire Displaced: Ottoman-Habsburg Forced Migration and the Near Eastern Crisis, 1875-1878*, PhD thesis, Columbia University.
- Nasirogl, M. 2012. Bosnia And Herzegovina Refugees in The 19<sup>th</sup> and 20<sup>th</sup> Centuries In the Light of Ottoman Documents, presented at International Balkan Annual Conference, Albania, Tirana, Albania: Epoka University Press.
- Nur Ainul Basyirah Alias & Ermy Azziaty Rozali. 2017. Establishment of Health Waqf Institution (Fatih Hospital) in Istanbul in the year 1470CE. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies* 39(2): 153-164.
- Snyder, L. L. 1958. *Document of Jerman History*, Britain: Greenwood Press.
- Surat Lord A. Loftus kepada Earl of Derby, Doc. 18, St. Petersburg, 29 Ogos 1876, Dlm. D. Gillard, British Documents on Foreign Affairs (BDFA): Reports and Papers from the Foreign Office.
- Šuško, D. 2014. Bosniaks & Loyalty: Responses to the Conscription Law in Bosnia and Hercegovina 1881/82, *Hungarian Historical Review* 3(3): 529–559.
- Tanovic, M. L. 2014. Demographic development of Bosnia and Herzegovina from the Ottoman period till 1991 and the modern demographic problems. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 120: 238 – 247.

## PENGARANG

Azlizan Mat Enh

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Hubungan  
Antarabangsa,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43000 Bangi, Selangor,  
Malaysia  
[azlizan@ukm.edu.my](mailto:azlizan@ukm.edu.my)

Ku Boon Dar

Pusat Pengajian Jarak Jauh,  
Universiti Sains Malaysia.  
[kubd@usm.my](mailto:kubd@usm.my)

Al Amril Othman

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Hubungan  
Antarabangsa,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43000 Bangi, Selangor,  
Malaysia  
[amril@ukm.edu.my](mailto:amril@ukm.edu.my)